

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR)

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Rang Undang-Undang Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen akan dikemukakan di Dewan Rakyat dalam penggal ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen. Kerajaan seperti yang telah dipersetujui di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik (MoU) yang telah ditandatangani dengan pihak Pakatan Harapan pada 13 September yang lalu sedang mengkaji semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992.

Beberapa penambahbaikan akan dimasukkan di dalam draf RUU yang baru bagi memastikan semua pemegang taruh mendapat manfaat daripada undang-undang tersebut khususnya bagi pihak kakitangan parlimen. Tangga gaji, kemajuan kerjaya, serta kemudahan-kemudahan yang lain akan dikaji dengan teliti agar mereka mendapat faedah yang tidak kurang baiknya daripada yang sedang diterima mereka sekarang. Oleh sebab RUU Perkhidmatan Parlimen ini akan melibatkan beberapa pindaan terhadap beberapa undang-undang yang lain termasuk pindaan Perlembagaan, maka masa yang lebih sedikit adalah perlu bagi mengkajinya.

Sekian, terima kasih.